



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

7 JUN 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

7 JUN 2022 (SELASA)



ROSOL (kiri) meninjau bekalan tepung gandum yang dijual menerusi Program Jualan Kedai Prihatin di Masjid Kampung Gaung.

Harga sayur dijangka stabil Julai depan

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga sayur-sayuran yang tidak menentu ketika ini dijangka stabil selewat-lewatnya awal Julai depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pengeluaran dan pembekal sayuran memberikan jaminan bekalan sayur akan stabil dan kenaikan harga sayur yang berlaku adalah bersifat sementara.

Beliau berkata, pihaknya ada menerima laporan berhubung kenaikan harga sa-

yur-sayuran di pasaran yang berpunca daripada kekurangan bekalan disebabkan perubahan cuaca.

"Kita ada terima laporan kenaikan harga sayur yang disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu, masalah penyakit dan kekurangan tenaga buruh.

"Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman sebelum ini, kenaikan harga ini tidak lama dan akan kembali stabil tidak lama lagi.

"Kita jangka ia akan stabil antara hujung bulan ini atau awal Julai ini dan kita di KPDNHEP sentiasa mencari alternatif bagi menyelesaikan masalah ini," katanya.

Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong

Bekas Panglima ATM dahului 1,021 penerima pingat

Mohamed Hashim dikurniakan darjah kebesaran SSM bawa gelaran Tun

Kuala Lumpur: Bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri (B) Mohamed Hashim Mohd Ali mendahului senarai 1,021 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 sempena Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam.

Mohamed Hashim dikurniakan darjah kebesaran Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun.

Seramai 18 individu menerima Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Tiga pegawai kanan perkhidmatan awam yang menerima PSM ialah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff; Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Ghani Salleh dan

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Dr Azmi Rohani.

Turut menerima PSM ialah Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Datuk Seri Mohd Annuar Zaini; Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Datuk Seri Mohd Asghar Khan Goriman Khan; Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Razarudin Husain dan bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Datuk Low Kian Chuan; Presiden dan Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad, Datuk Seri Abdul Farid Alias; Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Datuk Seri Tajuddin Atan dan Pengarah Eksekutif United U-Li Corporation Berhad, Datuk Lee Yoon Kong.

Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh; Pengasas dan Pengarah Urusan T.A.G. Marine Sdn Bhd, Datuk Seri Dr Noormustafa Kamal Yahya; bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam; bekas Menteri Kesihatan dan bekas Presiden MIC, Datuk Seri S Subramaniam; bekas Menteri Perdagangan An-

tarabangsa dan Industri serta bekas Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Ong Ka Chuan; bekas Menteri Pendidikan Tinggi dan juga Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh serta bekas Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT), Datuk Tengku Muhaini Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah adalah antara 23 penerima Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN), yang membawa gelaran Datuk.

Penerima PJN lain ialah Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rostam Affendi Salleh; Hakim Mahkamah Tinggi Kuching, Azhahari Kamal Ramli; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusoff; Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jolie Samuel; Timbalan Gabenor Bank Negara, Chew Cheng Lian dan bekas pemain badminton negara, Foo Kok Keong.

Tiga penerima darjah kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang juga membawa gelaran 'Datuk' ialah Setiausaha Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri, Jazmanie Shafawi; Ke-



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan Darjah SSM kepada Mohamed Hashim pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bersempena Hari Keputeraan Rasmi baginda di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

tua Protokol di Jabatan Protokol dan Konsular Kementerian Luar Negeri, Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah dan Jurulirng Yang di-Pertuan Agong Ke-14, Laksamana Pertama Datuk Shahrul Shaim.

Seramai 48 individu menerima darjah kebesaran Johan Mangku Negara (JMN), termasuk Pengarah Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan, Dr Rozita Halina Tun Hussein.

Darjah kebesaran Johan Setia Mahkota (JSM) dianugerahkan kepada 67 individu, termasuk bekas jurulirng Perdana Menteri, Senior Asisten Komisyoner (SAC), Nik Ezanee Mohd Faisal.

Penerima tunggal Darjah Johan Setia Diraja (JSD) adalah Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Pasukan Gerakan Am) Bukit Aman, Deputi

Komisyoner Polis (DCP) Muhammad Abdul Halim.

Seramai 183 individu dikurniakan Bintang Kesatria Mangku Negara (KMN) termasuk Pengasas Pertubuhan Amal Uncle Kentang Malaysia, Kuan Chee Heng; EXCO Pergerakan Puteri UMNO, Naszirah Ngasri dan Penasihat Persatuan OKU Sentral, Mohd Radzi Wahab.

Tahun ini juga menyaksikan tujuh individu dianugerahkan Bintang Kesatria Setia Diraja (KSD) dan 250 dikurniakan Bintang Ahli Mangku Negara (AMN), termasuk Editor Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Mohamad Bakri Darus, manakala 377 individu menerima Pingat Pangkuan Negara (PPN) serta 43 Pingat Bentara Setia Diraja (BSD).

BERNAMA



AL-SULTAN ABDULLAH dan Tunku Azizah berkenan bergambar bersama penerima-penerima darjah kebesaran pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam. — IHSAN JABATAN PENERANGAN



AL-SULTAN ABDULLAH berkenan mengurniakan Darjah Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran Tun kepada Mohamed Hashim bersempena Hari Keputeraan Rasmi baginda di Istana Negara semalam.

Mohamed Hashim dahului senarai 1,021 penerima darjah

PETALING JAYA — Bekas Panglima Angkatan Tentera (ATM), Jeneral Tun Mohamed Hashim Mohd. Ali mendahului 1,021 senarai penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bersempena Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Tahun 2022 semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah

berkenan berangkat ke istiadat itu.

Pada istiadat itu, Mohamed Hashim dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran Tun.

Seterusnya, seramai 18 penerima termasuk Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Razarudin Husain dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri.

Antara penerima lain gelaran itu adalah Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Abdul

Ghani Salleh; Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Mohd. Asghar Khan Goriman Khan; bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam; bekas Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idaris Jusoh dan bekas Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Seramai 23 penerima dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara, manakala seramai tiga penerima lain dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja yang masing-masing mem-

bawa gelaran Datuk.

Antara penerima Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara adalah Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rostam Affendi Salleh; Hakim Mahkamah Tinggi Kuching, Tuan Azahari Kamal Ramli; bekas pemain badminton negara, Foo Kok Keong dan Ketua Polis Kedah, Wan Hassan Wan Ahmad.

Pengerusi Jemaah Tertinggi Bakat ATM, Yang Mulia Tengku Puteri Seri Teja Puan Seri Datuk

Tengku Muhaini Sultan Ahmad Shah juga dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara.

Turut menerima gelaran sama ialah Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad Ab. Rahman; Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman Ayob; Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Indera Mohammad Salleh Osman dan Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Datuk Sabri Zali.

1,021 individu terima darjah kebesaran

Bekas Panglima ATM dikurniakan SSM bawa gelaran Tun

Kuala Lumpur

Seramai 1,021 individu menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam.

Bekas Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri (B) Mohamed Hashim Mohd Ali mendahului senarai penerima dengan dikurniakan darjah kebesaran Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun.

Seramai 18 individu menerima darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Tiga pegawai kanan perkhidmatan awam yang menerima PSM ialah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Abdul Ghani Salleh dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Dr Azmi Rohani.

Turut menerima PSM ialah Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Datuk Seri Mohd Annuar Zaini, Panglima Tentera Udara Jeneral Datuk Seri Mohd Asghar Khan Goriman Khan, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Razarudin Husain dan bekas Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Mazlan Lazim.

Selain itu, Presiden Dewan Perniagaan dan Perin-



AL-SULTAN Abdullah berkenan mengurniakan SSM yang membawa gelaran Tun kepada Mohamed Hashim pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bersempena Hari Keputeraan Rasmi baginda di Istana Negara, semalam.

dustrian Kebangsaan Malaysia Datuk Low Kian Chuan, bekas Presiden dan Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad Datuk Seri Abdul Farid Alias, Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad Datuk Seri Tajuddin Atan dan Pengarah Eksekutif United U-Li Corporation Berhad Datuk Lee Yoon Kong.

Turut menerima PSM Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Ber-

had Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh, Pengasas dan Pengarah Urusan T.A.G. Marine Sdn Bhd Datuk Seri Dr Noormustafa Kamal Yahya, bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dan bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam, bekas Menteri Kesihatan dan bekas Presiden MIC Datuk Seri S. Subramaniam, bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta bekas Setiausaha Agung

MCA Datuk Seri Ong Ka Chuan, bekas Menteri Pendidikan Tinggi dan juga Pengerusi Felda Datuk Seri Idris Jusoh serta bekas Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (Bakat) Datuk Tengku Muhaini Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah merupakan antara 23 penerima Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran 'Datuk'.

Penerima PJN lain ialah Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri Datuk Rostam Affendi Salleh, Hakim Mahkamah Tinggi Kuching Azahari Kamal Ramli, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Azman Mohd Yusof, Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Jolie Samuel, Timbalan Gabenor Bank Negara Chew Cheng Lian dan bekas pemain badminton negara Foo Kok Keong.

Tiga penerima darjah kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang membawa gelaran Datuk ialah Setiausaha Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri Jazmanie Shafawi, Ketua Protokol di Jabatan Protokol dan Konsular Kementerian Luar Negeri Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah dan Jururiring Yang di-Pertuan Agong ke-14, Laksamana Pertama Datuk Shahrul Shaim. - Bernama

1,021 terima darjah kebesaran, bintang dan pingat

Jeneral Tan Sri (B) Mohamed Hashim Mohd Ali mendahului senarai penerima dengan dikurniakan darjah kebesaran Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran Tun

dahului senarai penerima dengan dikurniakan darjah kebesaran Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun.

Seramai 18 individu menerima darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Tiga pegawai kanan perkhidmatan awam yang menerima PSM ialah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff; Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Ghani Salleh dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Dr Azmi Rohani.

Turut menerima PSM ialah Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Datuk Seri Mohd Annuar Zaini; Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Mohd Asghar Khan Goriman Khan; Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Razarudin Husain dan bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim.

Selain itu, Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Datuk Low Kian Chuan; bekas Presiden dan Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad, Datuk Seri



Al-Sultan Abdullah berkenan bergambar bersama penerima-penerima pingat pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 di Istana Negara pada Isnin. Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan isteri Datin Seri Muhaini Zainal Abidin.

KUALA LUMPUR

Seramai 1,021 individu menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri (B) Mohamed Hashim Mohd Ali men-

Abdul Farid Alias; Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad Datuk Seri Tajuddin Atan dan Pengarah Eksekutif United U-Li Corporation Berhad, Datuk Lee Yoon Kong.

Turut menerima PSM Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad, Datuk Seri Che Khalib Mohamed Noh; Pengasas dan Pengarah Urusan T.A.G. Marine Sdn Bhd, Datuk Seri Dr Noomustafa Kamal Yahya serta bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam.

Selain itu, turut menerima PSM ialah bekas Menteri Kesihatan dan bekas Presiden MIC, Datuk Seri S. Subramaniam; bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta bekas Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Ong Ka Chuan; bekas Menteri Pendidikan Tinggi dan juga Pengerusi Felda Datuk Seri Idris Jusoh serta bekas Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (Bakat), Datuk Tengku Muhaini Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah merupakan an-



FOO KOK KEONG

tara 23 penerima Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima PJN lain ialah Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rostam Affendi

Salleh; Hakim Mahkamah Tinggi Kuching, Azahari Kamal Ramli; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof; Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jodie Samuel; Timbalan Gabenor Bank Negara, Chew Cheng Lian dan bekas pemain badminton negara, Foo Kok Keong.

Tiga penerima darjah kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang membawa gelaran Datuk ialah Setiausaha Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri, Jazmanie Shafawi; Ketua Protokol di Jabatan Protokol dan Konsular Kementerian Luar Negeri, Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah dan Juruiring Yang di-Pertuan Agong ke-16, Laksamana Pertama, Datuk Shahrum Shaikh.

Seramai 48 individu menerima darjah kebesaran Johan Mangku Negara (JMN) termasuk Pengarah

Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan, Dr Rozita Halina Tun Hussein.

Bagi darjah kebesaran Johan Setia Mahkota (JSM) pula sebanyak 67 individu disenaraikan sebagai penerima termasuk bekas Juruiring Perdana Menteri Senior Asisten Komisier Polis, Nik Ezanee Mohd Faisal.

Sementara itu, penerima tunggal bagi Darjah Johan Setia Diraja (JSD) dikurniakan kepada Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Pasukan Gerakan Am) Bukit Aman, Deputi Komisier Polis Muhammad Abdul Halim.

Seramai 183 individu dikurniakan Bintang Kesatria Mangku Negara (KMN) termasuk Pengasas Pertubuhan Amal Uncle Kentang Malaysia, Kuan Chee Heng; Exco Pergerakan Puteri UMNO, Naszirah Ngasri dan Penasihat Persatuan OKU Sentral, Mohd Radzi Wahab.

Tahun ini juga menyaksikan seramai tujuh individu dianugerahkan Bintang Kesatria Setia Diraja (KSD) dan 250 dikurniakan Bintang Ahli Mangku Negara (AMN) termasuk Editor Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Mohamad Bakri Darus manakala 377 individu menerima Pingat Pangkuan Negara serta 43 Pingat Bentara Setia Diraja. - Bernama



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan Darjah Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun kepada Tun Mohamed Hashim Mohd Ali pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bersempena Hari Keputeraan Rasmi Baginda di Istana Negara pada Isnin.

Ex-armed forces chief heads honours list

KUALA LUMPUR: A total of 1,021 individuals were conferred awards and honours in conjunction with the Yang di-Pertuan Agong's birthday yesterday.

Former armed forces chief General (Rtd) Tan Sri Mohamed Hashim Mohd Ali headed the list of recipients and was conferred the Seri Setia Mahkota, which carries the title Tun.

A total of 18 individuals were conferred the Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM), which carries the title Tan Sri.

The three senior civil service officers who received the PSM were Education Service Commission chairman Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff, Election Commission (EC) chairman Datuk Abdul Ghani Salleh and Johor state secretary Datuk Dr Azmi Rohani.

Perak Islamic Religious and Malay Customs Council president Datuk Seri Mohd Annuar Zaini, air force chief General Datuk Seri Mohd Asghar Khan Goriman Khan, Deputy Inspector-General of Police Datuk Razarudin Husain and former Deputy Inspector-General of Po-

lice Datuk Seri Mazlan Lazim were also bestowed the PSM.

Other recipients were National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia president Datuk Low Kian Chuan, former Malaysian Banking Bhd president and executive director Datuk Seri Abdul Farid Alias, Bank Muamalat Malaysia Bhd chairman Datuk Seri Tajuddin Atan and United U-Li Corporation Bhd executive director Datuk Lee Yoon Kong.

MMC Corporation Bhd group managing director Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh, T.A.G. Marine Sdn Bhd founder and managing director Datuk Seri Dr Noormustafa Kamal Yahya, former land and cooperative development minister and former Sabah chief minister Datuk Seri Osu Sukam, former health minister and former MIC president Datuk Seri S. Subramaniam, former international trade and industry minister and former MCA secretary-general Datuk Seri Ong Ka Chuan, former education minister and Felda chairman Datuk Seri Idris Jusoh, and former Pahang menteri besar

Datuk Seri Adnan Yaakob rounded up the list of PSM recipients.

Armed forces Family Welfare Body (Bakat) Supreme Council chairman Datuk Tengku Muhaini Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah was among 23 recipients of the Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara, which carries the title Datuk.

Others included the Prime Minister's Department Research Division director-general Datuk Ros-tam Affendi Salleh, Kuching High Court judge Azhahari Kamal Ram-li, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof, Malaysian Ambassador to Thailand Datuk Jolie Samuel, Bank Negara Malaysia deputy governor Chew Cheng Lian and former national shuttler Foo Kok Keong.

Three recipients of the Panglima Setia Diraja, which carries the title Datuk, were Prime Minister's Department Development Division secretary Jazmanie Shafawi, head of protocol at the Foreign Ministry's Protocol and Consular Department Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah, and aide-de-



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bestowing the Seri Setia Mahkota award, which carries the title Tun, on General (Rtd) Tan Sri Mohamed Hashim Mohd Ali at Istana Negara yesterday.
BERNAMA PIC

camp (ADC) of the 16th Yang di-Pertuan Agong, First Admiral Datuk Shahrum Shaim.

A total of 48 individuals received the Johan Mangku Negara, including Health Ministry Planning Division director Dr Rozita Halina Tun Hussein.

A total of 67 individuals were conferred the Johan Setia Mahkota, including former prime minister's ADC Senior Assistant Commissioner of Police Nik Ezanee Mohd Faisal, while Bukit Aman Internal Security and Public Order (General Operations Force) Department deputy director Deputy Commissioner of Police Muhammad Abdul Halim

was the sole recipient of the Darjah Johan Setia Diraja.

There were 183 recipients of the Bintang Kesatria Mangku Negara, including Uncle Kentang Malaysia charity founder Kuan Chee Heng, Umno Puteri exco Naszriah Ngasri and OKU Sentral adviser Mohd Radzi Wahab. There were seven Bintang Kesatria Setia Diraja recipients, 250 Bintang Ahli Mangku Negara recipients, including Malaysian National News Agency (Bernama) editor Mohamad Bakri Darus, 377 Pingat Pangkuan Negara recipients and 43 Pingat Bentara Setia Diraja recipients.

Bernama



Barang kawalan RM1.7 juta dirampas

Libatkan gula, minyak masak, tepung gandum, petrol dan diesel

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas barang kawalan melibatkan gula, minyak masak, tepung gandum, petrol dan diesel yang keseluruhannya bernilai RM1.7 juta bermula 1 Januari hingga 5 Jun lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, rampasan dilakukan menerusi operasi bersepadu di sempadan negara dan sekitar daerah Kota Bharu, Tumpat serta Pasir Mas.

Menurutnya, daripada jumlah rampasan itu, KPDNHEP Kelantan berjaya mengekang aktiviti penyeludupan barang kawalan petrol dan diesel daripada dibawa keluar dan diselaweng ke negara jiran dengan



Tangki minyak yang diubah suai bagi mengisi lebih banyak disel dan petrol untuk tujuan penyeludupan.

nilai keseluruhan rampasan sebanyak RM72,146.50 dalam tempoh berkenaan.

"KPDNHEP Kelantan turut membanteras aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan di sempadan negara sepanjang Januari hingga terkini (Ahad) melibatkan 88 kes dengan sitaan sebanyak 38 buah kenderaan dan 26 individu ditahan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tambahnya, dalam operasi bersepadu bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga,

Pengkalan Kubor, Tumpat pada jam 11 malam Ahad berjaya menahan seorang pemandu treler jenis Volvo berusia 30-an di sebuah stesen minyak Jalan Padang Enggang Pasir Hor, di sini.

"Pemeriksaan mendapati terdapat anggaran 372 liter minyak diesel diisi oleh suspek dalam tangki yang diubah suai dan dianggarkan sebanyak 650 liter minyak diesel diisi di dalam tangki tambahan treler tersebut yang bernilai RM2,197.30.

"Modus operandi yang di-



Treler jenis Volvo yang ditahan dalam serbuan di sebuah stesen minyak Jalan Padang Enggang Pasir Hor di Kota Bharu pada Ahad.

gunakan ialah dengan melakukan pembelian diesel di beberapa stesen minyak menggunakan tangki ubah suai berkapasiti besar untuk mengaburi pihak berkuasa," jelasnya.

Aswadi berkata, bekalan bahan bakar tersebut dipercayai akan diseludup untuk dijual ke pemborong di negara jiran melalui pangkalan haram.

"KPDNHEP Kelantan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain dalam membanteras penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan

di sempadan negara bagi memastikan pengguna dapat menikmati harga sepatutnya yang ditawarkan, bekalan mencukupi serta peniaga mematuhi perundangan," ujarnya.

Beliau berkata, sebarang maklumat atau aduan boleh disalurkan ke portal e-aduan KPDNHEP, Call Centre 1-800-886-800, emel e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP dan Pusat Arah Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245 atau WhatsApp 019-279 4317.

3,715 liter diesel subsidi dirampas

KOTA KINABALU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah merampas 3,715 liter minyak diesel bersubsidi dalam serbuan di sebuah stor di Penampang pada Jumaat lalu.

Serbuan pada pukul 1.40 pagi itu adalah hasil risikan selama dua minggu berhubung kegiatan itu di Penampang.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Sabah, Zulfamy Mat Udi berkata, semasa serbuan dibuat, terdapat seorang lelaki di dalam sebuah pacuan empat roda (4WD) yang diletakkan di pintu hadapan stor berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan tersebut ada mengangkut lima tong jerikin yang mengandungi 165 liter minyak diesel, manakala di dalam stor terbabit, terdapat sejumlah 3,550 liter diesel yang disimpan di dalam tangki-tangki plastik.

"Berdasarkan keterangan awal, premis itu tidak mempunyai kebenaran dan sebarang lesen yang sah untuk menyimpan barang kawalan di lokasi berkenaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, pegawai penguat kuasa kemudian bertindak menyita sebuah 4WD, tangki-tangki yang berada di dalam stor, pam



PENGUAT kuasa KPDNHEP merampas peralatan di sebuah stor di Penampang baru-baru ini.

elektrik, hos getah dan 3,715 liter minyak diesel dengan nilai ram-
pasan RM60,487.75.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan tujuan untuk melakukan kesalahan yang dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana menjalan-

kan urus niaga tanpa lesen.

"Siasatan juga dibuat di bawah Seksyen 20 (1) Akta sama kerana menyimpan barang kawalan di tempat yang tidak mendapat kebenaran pengawal," katanya.

Katanya, KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas dengan menggantung sementara lesen pengusaha stesen minyak sehingga siasatan selesai.

Senarai Harga Barangan Kiperluan	
• Ayam	RM6.99
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Gred A	RM12.45
• Ikan Kembung	RM10
• Minyak Masak	RM6.70
• Gula Pasir	RM2.75
• Bawang Besar Holland	RM2.50
• Bawang Putih	RM5
• Cili Merah	RM11.99
• Kubis Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandung	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP